

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UniMAP  
BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**PADA  
MALAM PENGHARGAAN SEMPENA PENCAPAIAN TERBILANG  
UniMAP DAN UPACARA MENADATANGANI MoU UniMAP – IRU1  
RACING**

**31 OKTOBER 2011, DEWAN KAPITOL, KANGAR**

Bismillahirrahmanirrahim

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun. Bagi pihak warga UniMAP patik merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Tuanku berangkat hadir ke majlis malam ini. Patik sekalian amat terharu dengan sokongan yang Duli Tuanku berdua berikan kepada UniMAP selama ini.

Ampun Tuanku, izini patik menyampaikan ucapan kepada sekalian yang hadir.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera

1. Yang Berhormat, Tuan Sabry Bin Ahmad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mewakili Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perlis dan isteri,
2. Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin,
3. Yang Berhormat Dato' Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin,
4. Yang Berhormat Tuan Abdul Rasid Sudin, Penasihat Undang-undang Negeri Perlis merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Isteri,
5. Yang Berbahagia Dato' Yusof Jusoh, Pengerusi Proven Holdings merangkap Profesor Adjung UniMAP,
6. Yang Berbahagia, Dato' Paduka Nik Izani Ibrahim, Pengerusi IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd,
7. Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP,
8. Deligasi dari IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd,
9. Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan,
10. Wakil-wakil media, Para penyelidik dan Atlet UniMAP
11. seterusnya hadirin yang dirahmati Allah S.W.T

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana mengizinkan kita bertemu pada 'Malam Penghargaan Sempena Pencapaian Terbilang UniMAP & Upacara Menandatangani MoU UniMAP – IRU-1' Motorsport Sdn. Bhd.

Jutaan terima kasih kepada Yang berbahagia Dato' Nik Izani Ibrahim, Pengerusi IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd dan pihak pengurusannya atas kesudian menjalinkan kerjasama dengan kami di UniMAP.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya amat berbangga memaklumkan bahawa UniMAP amat aktif dalam bidang penyelidikan. Sejak ditubuhkan, penyelidik UniMAP telah menerima ratusan pingat dari pelbagai pertandingan dan ekspo yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada 27 hingga 30 Oktober iaitu yang berakhir semalam UniMAP berjaya meraih kejayaan 100% di dalam **International Exhibition of Ideas, Invention & Innovations Trade Fair (IENA)** yang berlansung di Nuremberg, Jerman.

UniMAP berjaya meraih tiga pingat emas dan satu pingat perak pada pertandingan yang disertai oleh lebih 30 buah Negara yang mempertandingkan 750 produk antaranya dari Taiwan, Russia, Korea, Iran, Angola, Bosnia-Herzegovina, China, Croatia, Malaysia, Macedonia, Austria, Poland, Romania, Russia, Arab Saudi, Sepanyol, Syria and Hungary.

Pingat emas UniMAP disumbangkan melalui produk Automated Intelligent Fruit Grading Systems Using Bio-Inspired Sensing, produk Enbirosense: A Nature Inspired Indoor Air Quality Monitoring System) dan produk E-Hound For Volatile Chemical Detection dan turut meraih “Special Medal for Green Ecology Award”. Manakala pingat perak pula menerusi produk “Networked Control Systems For Intelligent Green Building (NETCOSYS)”.

Alhamdulillah saya amat bersyukur kerana dalam tempoh dua minggu sahaja UniMAP berjaya mencatatkan dua kemenangan yang membanggakan di peringkat antarabangsa iaitu pengiktirafan tertinggi iaitu Anugerah Berlian pada **British Invention Show (BIS)**. Di British Invention Show yang berlangsung di London minggu lalu, UniMAP mencatat kejayaan 100% dengan 3 pingat emas, dua perak dan 3 anugerah perdana. Tiga produk yang meraih anugerah Special Award adalah *A Novel Environmental Friendly Cement & Concrete* (yang mendapat *Diamond* – iaitu anugerah tertinggi pertandingan ini), *Photovoltaic Powered Inverter without Transformer* (mendapat *Platinum*) dan *OCDMA Systems Using Random Diagonal Code* (mendapat *Double Gold*). Produk *Agriculture Fertigation Robot* dan *Natural Absorbent* pula meraih pingat perak.

Pada pertandingan **PECIPTA** bulan lalu, UniMAP antara IPTA yang memungut pingat tertinggi dengan 9 emas, 6 perak dan 16 gangsa. Pencapaian ini sangat membanggakan berbanding 2 tahun lalu, di mana UniMAP menduduki tempat ke-5 dengan 2 Emas, 10 Perak dan 3 Gangsa.

Salah satu produk UniMAP iaitu “Modified Double Weight (MDW) Code For OCDMA FTTH Network Using FPGA Based” muncul Produk terbaik bagi kategori The Best Of MO ( Produk Baru) dan telah mendapat tempat kedua daripada keseluruhan 453 produk yang dipertandingkan.

Pada ***International Invention, Innovation Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX)*** pula, UniMAP menduduki tempat pertama keseluruhan dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 gangsa, sekali gus menjadi penerima 'Anugerah Patron' kerana pungutan pingat tertinggi. Anugerah *Best Green Invention 2011* turut diraih. ITEX merupakan pameran terkemuka dunia, dengan penglibatan 14 negara termasuk Russia, Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Korea, China, Hong Kong, dan Taiwan. Selain itu,

UniMAP juga mencatatkan kejayaan 100% dalam *Seoul International Invention Exhibition* di Korea dengan 3 pingat emas dan 1 perak.

Pelajar UniMAP turut mencipta nama pada Ekspo Inovasi Islam bulan ini, di mana kejayaan 100% diperolehi. Kesemua 10 produk yang dihantar meraih pingat, iaitu 2 emas, 6 perak dan 2 gangsa. Salah sebuah produk, iaitu *EcoTwister* mendapat anugerah utama iaitu ***Islamic Innovation Award dan anugerah Alkhawarizmi.***

Alhamdulillah, kesemua kejayaan ini adalah kerana penyelidik berwibawa serta kemudahan penyelidikan yang terbaik yang terdapat di sini. Contohnya, Institut Kecemerlangan Nano Elektronik (INEE) UniMAP baru-baru ini diiktiraf sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains

Teknologi dan Inovasi daripada 17 pusat penyelidikan yang disenarai-pendek.

Hadirin sekalian,

UniMAP tidak ketinggalan dalam bidang sukan. Sebagaimana penyelidikan, kejayaan turut diperolehi dalam bidang ini. Antaranya Kontinjen Olahraga Veteran berjaya mendapat 7 emas, 3 perak dan satu gangsa pada **Kejohanan Olahraga Master Terbuka Malaysia** yang berlangsung awal bulan ini. Kejohanan tersebut disertai 30 pasukan termasuk Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, India, Iran dan Turki, dan membabitkan seramai lebih 320 atlit.

Pada **International Putrajaya Night Marathon 2011** yang berlangsung di Putrajaya pada 14 dan 15 Oktober baru-baru ini empat orang atlet UniMAP telah mengambil bahagian dalam dua acara iaitu Full Marathon 42KM - Men Open dan Half Marathon 21KM - Men Open. Sebanyak 10,000 orang telah mengambil bahagian pada kejohanan yang mempunyai 16 kategori ini.

Atlet UniMAP berjaya meraih tempat yang membanggakan antaranya berada di tempat ke dua bagi kategori Malaysia dan nombor lapan kategori antarabangsa. Manakala tiga lagi atlet kita berjaya meraih tempat ke 5, 13 dan 20 Asia. Sementara itu, bagi Kejohanan bola sepak pantai FAM 2011 yang berlangsung baru-baru ini di Pahang, pasukan bola sepak pantai wanita berjaya mengungguli kejohanan ini dan berjaya meraih tempat pertama.

Selain itu seorang pelajar dari Pusat Pengajian Alam Sekitar yang merupakan atlet boling padang UniMAP telah mendapat biasiswa sukan Kementerian Pengajian Tinggi dengan RM 6,500.00 satu semester sepanjang tempoh pengajian. Beliau merupakan pemenang pingat emas bagi Sukan MASUM dan SUKMA 2011.

Justeru itu, pada malam ini UniMAP berbesar hati mengadakan majlis Penghargaan Sempena Pencapaian Terbilang UniMAP di dalam pelbagai pertandingan yang disertai sama ada diperingkat nasional mahupun pentas antarabangsa. Sebagai Naib Canselor saya amat berbangga dengan pencapaian kalian semua. Berikan tepukan yang gemuruh buat mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Baru-baru ini di Kelantan, UniMAP telah menandatangani MoU dengan sebuah syarikat pengeluar minyak pelincir iaitu SUKIMI OIL. Kerjasama ini berhasrat meneroka peningkatan kualiti minyak pelincir yang merupakan sejenis polimer, di mana kita di sini mempunyai kepakaran yang sewajarnya dalam bidang tersebut.

Alhamdulillah, pada malam ini, satu lagi MoU akan ditandatangani, yang akan melebarkan lagi kejayaan dalam arena ini. Syarikat IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd, yang merupakan sebahagian MOFAZ group, adalah peneroka bidang sukan bermotor, serta kejuruteraan automotif negara. Kerjasama IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd, dengan Universiti ini dapat membuka peluang menggunakan kepakaran kejuruteraan UniMAP bagi meningkatkan penguasaan

teknologi industri automotif tempatan. Jaringan global dalam bidang ini, serta pengalaman 30 tahun yang dimiliki IRU 1 pula akan memudahkan perkara ini dilaksanakan. MoU UniMAP dengan SUKIMI Oil, dan kini dengan IRU 1 pula menunjukkan industri automotif di Malaysia, khususnya bagi kenderaan go-kart, bakal menjalani pembaharuan yang sewajarnya.

Insyallah, sekiranya kerjasama ini membuahkan hasil, sebuah litar go-kart akan dibina di Kampus Alam, Pauh Putra. Kemudahan ini memudahkan pelajar UniMAP menceburi bidang sukan permotoran, dan ia juga membuka peluang kepada penduduk Perlis mengenali serta mencuba sukan ini dengan lebih dekat lagi.

Sebenarnya, UniMAP sudahpun berjinak-jinak dengan sukan permotoran sebelum ini melalui pembinaan sebuah jentera yang diberi nama 'UniART1'. Jentera ini, yang diselia di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, telah menyertai '*Formula Varsity Race 2010*' anjuran Universiti Teknikal Melaka pada Oktober tahun lalu dan berjaya menjadi johan bagi kategori rekaan terbaik.

Selain itu, di Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan pula, sebuah prototaip kereta go-kart telah dibina oleh beberapa orang pelajar bagi projek tahun akhir mereka. Kereta go-kart ini, walau belum mencapai tahap kecanggihan yang dikehendaki, boleh berfungsi dengan baik dan dari itu menjadi asas kepada pembinaan kereta-kereta seumpamanya nanti.

Hadirin sekalian,

Apa yang saya sampaikan tadi hanyalah sebahagian daripada inisiatif-inisiatif proaktif yang dirancang dan dilaksanakan setiap masa. UniMAP sentiasa mencari jalan membuat sumbangan serta menyokong aspirasi Kerajaan yang mendatangkan manfaat kepada rakyat. Contohnya, apabila Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi membuat kenyataan tentang pemartabatan Bahasa Malaysia di Universiti baru-baru ini, UniMAP bersyukur kerana sudahpun mempunyai perancangan untuk mengadakan festival Bahasa Malaysia di mana pelajar antarabangsa dari semua IPT tempatan turut serta untuk menjayakan acara berpantun, bersajak, berbahas, berpidato, dan sebagainya. Insya Allah festival tersebut akan menjadi kenyataan tidak lama lagi. Saya mengambil kesempatan ini mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk turut serta apabila jemputan penyertaan dikeluarkan nanti.

**Di malam Hari Suasana Gelap,  
Hadirnya Bulan Menerangi Bumi  
Bidang Kejuruteraan Kekuatan UniMAP,  
Hasilkan Produk Teknologi Tinggi**

**Visi Dan Misi Harus Diutama,  
Mencorak Universiti Menjadi Juara  
IRU 1 -UniMAP Bekerjasama,  
Medan Automotif Majukan Negara**

Ampun Tuanku, sekian sahaja ucapan patik. Sekali lagi patik serta seluruh warga UniMAP merafak sembah menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke majlis ini. Semoga Duli Tuanku berdua terus-menerus dilimpahi rahmat dari Allah SWT. Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.